

**SOALAN NO. : 235**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**RUJUKAN : DR31**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah jerebu yang kerap berulang pada setiap tahun.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah jerebu di peringkat tempatan, Kementerian dan setiap agensi yang terlibat mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan yang antara lainnya melibatkan perkara-perkara berikut iaitu:-

- a) Mengaktifkan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka di seluruh negara mulai 12 Januari 2016.
- b) Pemantauan rapi ke atas kawasan tanah gambut yang sering terbakar melalui pengaktifan Prosedur Tetap Operasi (PTO) Program Pencegahan dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar;
- c) Penguatkuasaan semasa musim panas dan kering dipertingkatkan ke atas punca-punca pencemaran udara yang lain iaitu pelepasan asap dari kenderaan bermotor, pelepasan habuk dari kerja-kerja tanah dan pelepasan asap dari premis industri; dan
- d) Pemantauan melalui udara (*aerial surveillance*) dilaksanakan bagi mencegah kebakaran hutan terutama di kawasan sering terbakar dan kawasan pedalaman yang berisiko tinggi berlaku kebakaran.

Di peringkat serantau, Malaysia telah menghadiri Mesyuarat Ke-18 “ASEAN Sub-Regional Ministerial Steering Committee (MSC) on Transboundary Haze Pollution” yang telah berlangsung di Singapura pada 4 Mei 2016. Malaysia berserta negara-negara sub-serantau lain iaitu

Brunei, Indonesia, Singapura dan Thailand mengulangi komitmen untuk terus mempertingkatkan kerjasama serantau bagi mencegah jerebu merentas sempadan. Ini termasuk kerjasama bilateral Malaysia dan Indonesia secara “*Government-to-Government*” di bawah kerangka Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.

Sekian, terima kasih